



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/02/13_07 (HQ)

SOLUSI INOVATIF LSD TNB MENYELAMATKAN 5,000 POKOK SETAHUN

Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang memulakan projek perintis menggunakan Light Steel Drum (LSD) dalam pembekalan kabel sebagai salah satu alternatif kepada dram kayu mulai pertengahan Mac depan. Ini adalah salah satu lagi inisiatif sejajar komitmen terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Inisiatif ini akan mengelakkan penebangan 5,000 pokok setahun untuk menyediakan 14,000 dram bagi penggunaan pelbagai saiz kabel di mana projek ini dimulakan dengan Tenaga Cable Industries Sdn. Bhd. (TCI). Sekiranya pelaksanaan ini memberi impak serta memberi manfaat kepada persekitaran maka ianya akan dilanjutkan penggunaannya kepada pengilang kabel yang lain.

Projek perintis ini juga sebahagian daripada usaha proaktif TNB untuk menangani Skop 3 Pelepasan dalam memastikan ekosistem vendor dan rantaian bekalan TNB juga mematuhi piawaian ESG.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din, projek perintis LSD yang boleh guna semula itu dilaksanakan dengan jayanya sejak Mac tahun 2022, dan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah pada November lalu.

“Sebenarnya kami telah menukar cabaran kekurangan bekalan dram kayu menjadi peluang meneroka solusi baru yang bukan sahaja menjamin pembekalan kabel, malah menyumbang kepada peningkatan komitmen terhadap ESG,” katanya.

Kejayaan projek perintis itu adalah melalui usaha Bahagian Procurement & Supply Chain (P&SC) dengan kerjasama TCI dan Bahagian Rangkaian Pembahagian (DN) serta di enam tapak projek di sekitar Lembah Klang.

Pemerhatian dan analisa mendapati penggunaan LSD adalah lebih berkesan dan tahan lasak berbanding Hybrid Drum.

Setiap LSD boleh diguna semula sehingga lima (5) kali, sekali gus dapat mengelak penggunaan 2 hingga 3 batang pokok balak dan secara tidak langsung menyumbang kepada lebih banyak karbon dioksida dapat diserap oleh pokok yang diselamatkan.

Baharin berkata, kekurangan sumber kayu telah menyebabkan pembekal menaikkan harga dram kayu secara mendadak sehingga 50% pada penghujung tahun 2021 dan tempoh

pesanan mendapat bekalan mengambil masa hingga empat minggu, lantas boleh menjejaskan urusan pembekalan kabel.

“Penggunaan LSD ini antaranya mengurangkan kebergantungan terhadap sumber semula jadi iaitu kayu balak untuk pembuatan dram kabel, menjamin pembekalan kabel dan turut menyumbang kepada kelestarian ekosistem,” katanya.

Baharin berkata, selain memberi kesan positif kepada alam sekitar, LSD yang dipasang dengan alat pengesan untuk mengumpul maklumat termasuk lokasi dan status pergerakan, turut membantu langkah mencegah kecurian.

Sementara itu, Ketua Pegawai Perolehan TNB, Amir Mahmod Abdullah berkata “Bahagian Procurement & Supply Chain dan TCI merintis projek LSD ke arah "Green Curve" dalam usaha mendukung komitmen ESG TNB.”

Justeru, katanya, ia bertepatan dengan usaha untuk terus membekalkan elektrik berdaya harap serta ke arah kehidupan lebih sejahtera dan lestari, seperti mana komitmen Pelan Peralihan Tenaga TNB.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 13 Februari 2023, jam 10:30 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau e-mel kami: media@tnb.com.my



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din



Penggunaan Light Steel Drum (LSD) yang boleh diguna semula sehingga lima (5) kali adalah salah satu alternatif kepada dram kayu dalam pembekalan kabel.